Versi

1.9

**MOBILE STOKIS KANZZS**

www.macamix.myhealth2u.com

# Panduan Mobile Stokis Kanzzs

# Panduan Mobile Stokis Kanzzs

**Health & Health Marketing Sdn. Bhd.**
**(CO : 506200-D) (AJL : 931364)**
**24-3A, Sri Desa Entreprenuer's Park,**
**Jln 1/116B, Off Jln. Kuchai Lama,**
**58200 Kuala Lumpur Malaysia**
**Tel: +603 - 7987 2778**
**Fax: +603 - 7980 2798**

**Waktu Bekerja:**
**Isnin – Jumaat : 10:30 - 7:30pm**
**Sabtu - Ahad : Tutup**

Web: www.kanzzs-int.com



**Di sediakan oleh:**

© Zainudin Mohamed (Mobile Stokis – Kuala Lumpur)
www.macamix.myhealth2u.com
sales@myhealth2u.com
019-3857717

Segala maklumat yang terdapat di dalam dokumen ini adalah tepat dan betul pada masa ianya di tulis. Sekiranya terdapat kesilapan atau kekurangan maklumat, sila maklumkan kepada saya dan ianya akan di kemaskini dari masa ke semasa. Anda boleh dapatkan dokumen versi terkini di **www.macamix.myhealth2u.com** di bahagian Senarai Pengedar. Untuk mendapatkan maklumat yang terkini, anda di nasihati menghubungi pihak syarikat.

Produk yang di maksudkan di dalam dokumen ini adalah merujuk secara khusus kepada **Produk Tricajus** (30 paket).

## Harga Produk Tricajus (30 Paket)

| | Harga Ahli | Harga Bukan Ahli |
|---|---|---|
| Semenanjung | RM 195 | RM 250 |
| Sabah & Sawarak | RM 200 | RM 255 |

# Kandungan

Pendaftaran Mobile Stokis ........................................................ 1
Syarat Kelayakan ........................................................ 1
Maintain Jualan Stokis ........................................................ 3
Sistem Web Mobile Stokis ........................................................ 4
Merekodkan Jualan Produk ........................................................ 6
E-Wallet Stokis ........................................................ 7
Komisen Jualan ........................................................ 7
Pengeluaran Komisen ........................................................ 8
Menambah Stok Produk ........................................................ 10
Datang Sendiri Ke Syarikat ........................................................ 10
Cara Bayaran Melalui Akaun Bank ........................................................ 10
Cara Bayaran Melalui E-Wallet ........................................................ 11
Kos Penghantaran Produk ........................................................ 12
Mendaftar Keahlian Baru ........................................................ 12
Carian Sponsor ........................................................ 14
Carian Placement ........................................................ 14

*Dokumen ini adalah untuk ahli Mobile Stokis atau ahli yang berminat untuk menjadi mobile stokis.*

## Pendaftaran Mobile Stokis

Pertamanyna, anda perlu terlebih dahulu mengisi borang permohonan untuk menjadi mobile stokis. Setelah borang siap di isi, ianya perlu di hantar kepada pihak syarikat melalui pos atau fax dan berserta dengan bayaran bagi belian produk untuk kali yang pertama.

Anda akan menerima **no. stokis** setelah anda berjaya mendaftar menjadi sebagai mobile stokis.

**INGAT !!!** Anda akan mempunyai **dua no. keahlian**, satu adalah untuk akaun persendirian (MY….) anda dan satu lagi adalah untuk mobile stokis (ECM…). Ianya adalah dua no. keahlian yang berbeza.

Cara membuat bayaran, rujuk kepada Menambah Stok Produk.

Untuk mendapatkan borang permohonan, anda perlu berhubung dengan pihak syarikat atau klik

http://www.macamix.myhealth2u.com/form/KanzzsMobileStockist.pdf.

### Syarat Kelayakan

Anda perlu terlebih dahulu menjadi ahli dan semua ahli adalah layak untuk memohon menjadi Mobile Stokis.

Untuk menjadi mobile stokis, ahli perlu membeli **20 kotak produk** atau lebih sekali gus di dalam satu resit belian daripada pihak syarikat. Anda akan memperolehi **20 kotak produk atau kurang**, bergantung kepada **pangkat anda** dan mengikut senario dibawah:

- **Anda adalah ahli baru berpangkat Bronze dan belian terkumpul 1 - 2 kotak**.

  Anda perlu membeli pakej produk yang di sediakan oleh pihak syarikat untuk membolehkan anda di naikan ke pangkat Silver dan menjadi mobile stokis.

- **Anda adalah ahli berpangkat Bronze dan belian terkumpul 3 - 5 kotak.**

  Anda akan membuat bayaran bagi **20 kotak** produk tetapi di tolak 1 – 3 kotak mengikut jumlah terkumpul belian anda. Produk yang di tolak itu di gunakan

untuk menaikkan pangkat anda ke Silver terlebih dahulu sebelum menjadi mobile stokis.

**Contoh:**

Jumlah terkumpul belian anda adalah 4 kotak. Untuk mencukupkan kenaikan pangkat ke Silver, perlukan belian terkumpul 6 kotak. Jadi 20 kotak di tolak dengan 2 kotak. Anda akan menerima baki 18 kotak tetapi perlu membayar untuk 20 kotak.

- **Anda adalah ahli berpangkat Silver (Jumlah belian terkumpul 6 kotak atau lebih)**

  Anda akan mendapat **20 kotak** tanpa ada apa-apa pengurangan. Anda perlu membayar bagi 20 kotak tersebut.

**NOTA !** Untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan syarat-syarat menjadi mobile stokis dan pakej-pakej produk yang di sediakan, sila hubungi pihak syarikat.

Ringkasan syarat-syarat:-

1. Ahli yang berdaftar kepada syarikat Health & Health Marketing Sdn. Bhd
2. Perlu tahu menggunakan komputer
3. Ahli yang berjaya menjadi Mobile Stokis akan layak mendapat komisen stokis 6%.
4. Membuat belian kali pertama sekurang-kurangnya 20 kotak produk.
5. Pihak syarikat berhak untuk menamatkan tanpa notis jika Mobile Stokis tidak AKTIF untuk 3 bulan berturut-turut tanpa membuat belian produk
6. Pihak syarikat berhak untuk mengubah syarat-syarat tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

Maintain Jualan Stokis

Untuk memudahkan anda maintain jualan bagi mengelakkan anda tidak aktif selama **3 bulan berturut-turut**, di sini saya sertakan cara yang paling mudah dan minimum jualan untuk setiap bulan.

Paling kurang, anda hanya perlu membuat jualan **5 KOTAK** (30 paket) sahaja sebulan supaya lebih kurang 15 kotak habis dalam masa 3 bulan.

Bagaimana caranya?

Pada Bulan 1 – Jual 5 kotak

Pada Bulan 2 – Jual 5 Kotak

Pada Bulan 3 – Jual 5 kotak. Penghujung bulan, buat pesanan baru.

Jadi, baki pada akhir bulan ke 3 hanya tinggal 5 kotak.

Apabila sampai penghujung bulan ke 3, baki produk di tangan adalah 5 kotak jadi anda boleh terus membuat pesanan untuk stok yang baru (15 kotak produk). Kitaran ini akan berterusan sampai bila-bila. Jikalau anda dapat menjual lebih 5 kotak dalam masa 1 bulan, ianya adalah lebih baik.

# Sistem Web Mobile Stokis

Anda boleh mengakses ke ruangan sistem web Mobile Stokis dengan melayari web syarikat di:-

[www.kanzzs-int.com](http://www.kanzzs-int.com)




Klik di **Stockist Login** dan masukkan e**-Center ID (no. stokis anda), password** dan **Code** (dijana secara rawak) yang di paparkan di bawah Password. Contoh no. stokis: ecm0000127.




Klik **Login**. Ruangan stokis akan dipaparkan dan terdapat senarai menu di sebelah kiri anda.




**Profile** – Ruangan profil anda. Kemaskini maklumat anda. Tukar password sistem web. Tukar password ewallet.

**E Wallet** – Ruangan komisen jualan

**Registration** – Ruangan untuk mendaftar ahli baru

**Inventory** – Ruangan untuk stok produk

**Sales** – Ruangan untuk merekod jualan produk

**Transaction History** – Ruangan untuk melihat rekod jualan-jualan yang terdahulu.

**Commission** – Ruangan untuk melihat komisen jualan secara terperinci.

**Back To Main Page** – Kembali ke ruangan utama.

**Logout** – Untuk keluar daripada system web mobile stokis.

# Merekodkan Jualan Produk

Perlu di ingatkan bahawa setiap jualan yang di lakukan oleh Mobile Stokis perlu di rekodkan jualan ke dalam sistem web.

Ini adalah untuk memastikan **BV** bagi setiap belian produk di rekodkan ke atas ahli yang telah membuat belian dan juga untuk memastikan bilangan produk yang berada di tangan adalah sama dengan bilangan produk yang tertera di dalam sistem.

Klik pada **Sales** di menu sebelah kiri dan kemudian klik pada **Cash Bill**. Ruangan untuk merekod jualan akan di paparkan.




Masukkan **no. ahli** yang membuat belian di ruangan **Distributor ID** dan **jumlah kotak produk** di ruangan **Quantity**.

**PANDUAN UNTUK ANDA !**

- Jualan Kepada Bukan Ahli: bagi jualan yang dilakukan kepada bukan ahli, anda perlu memasukkan *no. keahlian anda sendiri* atau *no. keahlian sesiapa sahaja* yang anda inginkan.
- Jualan Kepada Ahli: anda di wajibkan memasukkan no ahli yang telah membuat belian produk.

Klik **Preview**. Skrin Cash Bill Preview akan di paparkan mengandungi maklumat ahli dan jumlah kotak produk untuk pengesahan. Setelah anda mengesahkan maklumat yang dimasukkan adalah betul. Klik **Submit**.

Cash Bill akan dipaparkan. Anda boleh mencetak resit online yang dikeluarkan dengan klik icon pencetak 

di bahagian bawah.

## E-Wallet Stokis

E-Wallet adalah tempat di mana komisen jualan produk bagi stokis di simpan. Anda boleh menggunakan wang yang ada untuk membeli produk pada masa depan bagi menambah stok.

Komisen jualan akan di kreditkan ke e-wallet secara *automatik* apabila produk yang di jual di rekodkan ke dalam sistem.

Nilai yang dipaparkan adalah dalam bentuk **Credit Point (CP)** dan **Malaysia Ringgit (RM)**.

**1 CP = RM 3.6 (Tepat pada masa dokumen ini di tulis)**

Untuk melihat E-Wallet anda, klik **EWallet** pada menu sebelah kiri.

### Komisen Jualan

Komisen jualan bagi setiap produk adalah **6%** daripada nilai **BV** produk.

Contoh:

Tricajus 1 kotak – 25BV (30 paket)

Komisen setiap kotak adalah **6% X 25BV = CP 1.5 X 3.6 = RM 5.40**.

Komisen akan dimasukkan ke dalam e-wallet.

## Pengeluaran Komisen

Fungsi untuk mengeluarkan komisen daripada keahlian stokis tidak di sediakan di sistem web.

Jadi bagaimana nak keluarkan komisen?

Anda perlu pindahkan komisen daripada akaun e-wallet stokis anda ke akaun e-wallet ahli anda. Ini kerana sistem web untuk ahli mempunyai kemudahan untuk membuat permintaan pengeluaran ke akaun bank ahli.




Untuk memindahkan komisen, klik **E-Wallet** di menu sebelah kiri. Ruangan untuk memindahkan komisen akan di paparkan.




**E Wallet ID** (no. stokis anda) akan di masukkan secara automatik.

Masukkan maklumat berikut:-

**Password** – Ini adalah password ewallet stokis anda.

> **INGAT !** Anda mempunyai **dua** password. Satu untuk akses ke sistem web stokis dan satu lagi adalah e-wallet password yang di gunakan untuk membuat pindahan komisen.
>
> Untuk menukar password e-wallet anda, klik **Profile** pada menu sebelah kiri dan klik **Change Wallet Password**.

**3rd Party E Wallet ID** - **nombor keahlian anda atau no ahli yang anda ingin pindahkan komisen.**

**Amount** – Jumlah komisen yang hendak di pindahkan. Pastikan anda mempunyai jumlah komisen yang mencukupi.

**Memo** – Sebarang nota. Tidak wajib di isi.

Setelah semua maklumat telah di masukkan, klik **Transfer**. Maklumat pindahan akan di paparkan untuk pengesahan.




Setelah anda berpuas hati, klik **OK**. Komisen akan dipindakan ke no ahli yang telah di masukkan.

**NOTA !** Pada kebiasaannya, komisen di dalam e-wallet stokis tidak di keluarkan. Ini kerana anda boleh menggunakannya untuk membuat bayaran apabila menambah stok produk.

## Menambah Stok Produk

Jika anda ingin membuat belian produk bagi menambah, stok anda perlu datang ke syarikat sendiri atau membuat bayaran tunai ke dalam akaun syarikat atau dengan menolak daripada e-wallet stokis anda.

### Datang Sendiri Ke Syarikat

Anda boleh datang terus ke syarikat di Kuchai Entrepreneur Park, Kuchai Lama, Kuala Lumpur untuk membuat belian produk.

Klik http://www.macamix.myhealth2u.com/maps/map-kanzzs-hq.htm untuk melihat peta.

Bayaran boleh di lakukan melalui bayaran kad kredit, tunai atau anda boleh menolak CP daripada e-wallet stokis anda.

**NOTA!** Jika anda mempunyai CP (komisen) di dalam e-wallet persendirian anda, pastikan anda pindahkan terlebih dahulu ke dalam e-wallet stokis anda sebelum membuat belian produk.

### Cara Bayaran Melalui Akaun Bank

1) Pastikan produk-produk yang ingin di pesan.

2) Masukkan jumlah bayaran mengikut jumlah kotak produk **beserta** dengan kos penghantaran (jika ada) ke dalam akaun syarikat.

   **Health & Health Marketing Sdn Bhd**
   **Malayan Banking Berhad (MBB) : 5144-4010-5233**

3) Setelah mendapat slip bayaran daripada kaunter bank, tulis **no. stokis, no telefon** anda dan **produk** yang hendak di pesan di mana-mana ruangan kosong di atas slip atau telefon ke syarikat untuk memaklumkan tentang produk yang hendak di beli.

4) Fax / pos slip bayaran kepada pihak syarikat. No. Fax:: +603 - 7980 2798

5) Telefon ke pihak syarikat untuk memaklumkan tentang pesanan produk dan bayaran yang telah dibuat. No. Tel: +603 - 7987 2778

Cara Bayaran Melalui E-Wallet

Jika anda ingin mengunakan cara ini, sila pastikan anda mempunyai wang yang mencukupi di dalam e-wallet stokis anda. Jumlah minima yang boleh di pesan dengan menggunakan cara ini adalah **10 kotak**.

1) Anda perlu akses ke sistem web terlebih dahulu. Klik **Inventory** dan selepas itu klik **Purchase Order**.

2) Masukkan **eWallet password** dan masukkan jumlah kotak produk (Tricajus – 3o sachets) di ruangan **Quantity**.

3) Sila pastikan maklumat kuantiti yang betul di bahagian produk yang ingin di pesan. Selepas berpuas hati, klik **Submit**.

4) Sila telefon pihak syarikat untuk membuat pengesahan.

**Contoh Cara Bayaran:-**

Anda ingin membuat belian stok 15 kotak (30 paket) produk.

Harga Semenanjung**:**

Tricajus – RM 195 X 15 kotak (30 paket) = **RM 2925 (CP 812.5)**

Andaikan anda:-

1) Mempunyai CP yang mencukupi di dalam e-wallet. Kesemua CP boleh di tolak untuk membuat bayaran belian stok.

2) Hanya mempunyai CP 100 di dalam e-wallet.

   Jumlah RM yang perlu di bayar – RM 2,925 (CP 812.5)

   CP 812.5 – CP 100 (Baki e-wallet) = **CP 712.5 (RM 2,565)**

   Jadi anda hanya perlu membayar tunai sebanyak **RM 2,565** sahaja.

**INGAT !** Anda perlu hubungi pihak syarikat untuk memaklumkan yang anda ingin menolak CP daripada e-wallet stokis anda.

Kos Penghantaran Produk

Bagi belian:

| Bilangan Kotak | BV | Kos Penghantaran |
|---|---|---|
| 1 - 4 kotak | (25BV-100BV) | RM15.00 |
| 5 – 10 kotak | (125BV-250BV) | RM30.00 |
| 11 - 15 kotak | (275BV-375BV) | RM55.00 |

Kos penghantaran adalah **PERCUMA** jika

| Bilangan Kotak | BV | Negeri |
|---|---|---|
| 10 kotak | (250BV) | Semenanjung |
| 15 kotak | (375BV) | Sabah & Sarawak |

## Mendaftar Keahlian Baru

Sebagai mobile stokis, anda mempunyai kelebihan untuk mendaftar ahli baru kerana:-

1) Di dalam sistem web mempunyai fungsi untuk mendaftar keahlian baru.
2) Anda mempunyai stok produk di tangan anda dan boleh terus memberikannya kepada ahli baru.

Untuk mendaftar ahli baru, klik **Registration** di menu sebelah kiri dan kemudian klik pada **Register Distributor**. Ruangan untuk memasukkan maklumat ahli akan di paparkan.




Maklumat yang wajib di masukkan:-

**Sponsor** – No keahlian yang menaja ahli baru

**Placement** – No keahlian upline ahli baru di dalam kumpulan.

**Withdrawal Type** – Jenis pengeluaran komisen

**Nama** – Nama ahli

**Identity No**. – No IC baru ahli

**Address1** – Alamat ahli

**Nama** (Bank Info) – Nama bank

**Account No** (Bank Info) – No akaun bank yang telah dipilih

**Mobile No's** – Nombor telefon mudah alih ahli

**Mother Maiden's Name** – Nama Ibu ahli

**Quantity** – Jumlah kotak produk

Setelah semua maklumat di masukkan, klik **Next**. Maklumat ahli akan di paparkan untuk pengesahan.

Setelah anda berpuas hati, klik **Confirm**. Ahli baru telah pun berjaya di daftarkan.

**PASSWORD** ahli akan di jana secara automatik oleh sistem. Oleh itu pastikan anda telah merekod password berkenaan setelah anda berjaya mendaftar.

Bagi memudahkan ahli baru, anda boleh menukar password kepada yang lebih mudah untuk di ingat. Contoh: No IC baru buat sementara waktu sebelum ahli berkenaan tukar kembali password. Untuk menukar password, anda perlu login ke dalam sistem menggunakan no. keahlian berkenaan dan tukar password.

**PENTING!!!** Anda perlu mencetak maklumat ahli berkenaan untuk rekod anda dan berikan maklumat-maklumat seperti **no. keahlian** dan **password** kepada ahli baru.

Untuk mencetak maklumat ahli, klik icon **Printer** di bahagian kanan bawah.

Sila beritahu kepada ahli baru supaya segera akses kepada sistem web untuk menukar password dan mengemaskini maklumat-maklumat yang lain..

### Carian Sponsor

Untuk meletakan penaja kepada ahli yang baru hendak di daftarkan, masukkan no. keahlian sponsor di ruangan **Sponsor** dan klik **Verify** untuk mengesahkannya.

Maklumat sponsor akan di paparkan. Anda di kehendaki pastikan maklumat adalah betul.

### Carian Placement

Untuk meletakan upline kepada ahli yang baru hendak di daftarkan, masukkan no. keahlian sponsor atau mana-mana no. ahli yang anda tentukan di ruangan **Placement** dan klik **Select Placement** untuk mencari tempat kedudukan ahli baru sama ada di kiri atau kanan rangkaian.

Klik **Submit** untuk melihat rangkaian. Rangkaian ahli di dalam bentuk 2 kaki, di kiri dan kanan akan di paparkan.

Untuk meneruskan pencarian kedudukan, klik **Gambar Kepala** dan rangkaian pada aras berikutnya akan di paparkan. Anda perlu mencari kedudukan yang masih kosong di mana tiada maklumat ahli di gambar kepala tersebut untuk meletakkan ahli yang baru

Apabila gambar kepala yang kosong tersebut di klikkan, ruangan **Placement** akan di isi dengan no. keahlian upline tesebut.

**NOTA !** Sistem placement adalah terhad kepada 2 kaki sahaja bagi setiap aras. Anda mungkin perlu mencari upline yang di bawah untuk meletakkan ahli baru.